

Penggunaan Aplikasi Mentimeter Untuk Meningkatkan Pembelajaran Interaksi Lisan

Najiyyah Mohamed Said

najiyyah_mohamed_said@schools.gov.sg

Mohamed Sha'ban Mohamed Rapiai

mohamed_sha'ban_mohamed_rapiai@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Greenwood

Abstrak

Pencapaian murid dalam komponen interaksi lisan agak lemah bagi murid Darjah 5. Respons murid kurang berstruktur dan mereka tidak dapat mengembangkan idea dengan mendalam. Kajian ini bertujuan untuk meneliti keberkesanan teknik 4PAi dalam mempertingkatkan pencapaian murid dalam interaksi lisan. 4PAi merupakan akronim bagi **P**enceritaan, **P**enerangan, **P**endapat, **P**engalaman & **A**plikasi nilai. Seramai 24 orang murid Darjah 5 pada aras kebolehan telah dikenal pasti sebagai responden kumpulan kajian. Aplikasi *Mentimeter* digunakan untuk menggalakkan pembelajaran secara sendiri dan kolaboratif. Keputusan praujian dan pascaujian digunakan untuk mengukur pencapaian murid. Data dianalisis secara kuantitatif. Dapatan kajian mencatatkan kemajuan dalam pencapaian kumpulan kajian bagi komponen perbualan dalam interaksi lisan

Kata Kunci: interaksi lisan, penceritaan, penerangan, pendapat, pengalaman, aplikasi nilai



PENGENALAN

Kemahiran lisan merupakan kemahiran asas yang diperlukan setiap murid sejak usia yang sangat muda. Hal ini penting bagi murid agar mereka dapat menyampaikan idea dan pendapat mereka dengan berkesan. Secara amnya, murid Darjah 5 berkeupayaan sederhana dapat memberikan idea dan pendapat. Hal ini disebabkan mereka telahpun diajar dan dilatih guru bagi memenuhi kehendak hasil pembelajaran bagi komponen kemahiran lisan semasa mereka berada di peringkat Darjah 4. Walau bagaimanapun, format peperiksaan lisan pada peringkat Darjah 4 berbeza daripada format peperiksaan lisan pada peringkat Darjah 5. Perubahan format itu juga bermakna kehendak hasil pembelajaran dan peperiksaan turut berubah. Perkara itu telah mempengaruhi prestasi murid Darjah 5 pada aras kebolehan ketika peperiksaan lisan.

Bagi menangani masalah ini, satu usaha intervensi telah dijalankan. 4PAi merupakan teknik yang telah direka bentuk bagi tujuan intervensi itu. 4PAi merupakan akronim untuk **P**enceritaan, **P**enerangan, **P**endapat, **P**engalaman dan **A**plikasi nilai. Teknik 4PAi telah digunakan dalam intervensi untuk membantu dan memberikan murid panduan semasa membuat persediaan dan semasa peperiksaan lisan. Selain itu, aplikasi *Mentimeter* juga digunakan dalam kajian ini. Dengan penggunaan aplikasi *Mentimeter*, diharapkan agar murid dapat terlibat secara aktif dalam perkembangan dan perkongsian idea mereka.

PERNYATAAN MASALAH

Komponen perbualan dalam peperiksaan lisan bagi peringkat Darjah 4 terbahagi kepada dua bahagian iaitu penerangan dan perbualan berdasarkan gambar. Biasanya, gambar itu terdiri daripada satu adegan atau tempat tertentu; misalnya gambar mengenai sesuatu situasi di pantai, beserta beberapa peristiwa kecil yang berlaku di sekitar situasi tadi. Murid diminta untuk menerangkan perkara-perkara dalam gambar itu dan memberi pendapat mengenai perkara-perkara yang terdapat dalam gambar itu. Bahagian ini dikenali sebagai ‘Penerangan Berdasarkan Gambar’ dan markah



bagi bahagian ini ialah 20 markah. Bahagian yang terakhir pula merupakan 'Perbualan Berdasarkan Gambar' dan markah bagi bahagian itu pula ialah 10 markah. Bahagian tersebut memerlukan murid untuk bercakap tentang topik yang berkaitan dengan gambar.

Pada awal tahun ini, murid Darjah 5 telah diperkenalkan dengan format bagi peperiksaan interaksi lisan. Prestasi murid dinilai berdasarkan rubrik perbualan interaksi lisan bagi Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE). Komponen perbualan interaksi lisan memerlukan murid untuk menonton satu video serta menjawab tiga soalan rangsangan berdasarkan video yang ditonton murid. Berbeza dengan peringkat Darjah 4, murid Darjah 5 tidak lagi menerangkan gambar dan pendapat mereka secara literal dan mereka juga tidak boleh merujuk kepada gambar di hadapan mereka sepanjang peperiksaan itu. Pada peringkat Darjah 5, murid perlu mengingati adegan-adegan yang ditontonnya dalam video tadi, walaupun tidak secara terperinci. Selepas menonton video, guru bertanyakan tiga soalan. Soalan-soalan yang ditanya memerlukan murid mengaitkan adegan-adegan dalam video tadi dengan isu-isu yang berkaitan dengan pengalaman diri mereka sendiri, keluarga, rakan sebaya, sekolah, masyarakat am dan alam sekitar. Bahagian perbualan dalam peperiksaan interaksi lisan bagi murid Darjah 5 merangkumi 30 markah. Pemberatan markah ini membentuk separuh daripada jumlah markah penuh bagi peperiksaan interaksi lisan, iaitu 50 markah. Oleh itu, jika murid ingin mencapai keputusan peperiksaan interaksi lisan yang cemerlang. Secara keseluruhannya, mereka perlu mencapai keputusan yang baik dalam komponen perbualan bagi peperiksaan interaksi lisan.

Sebelum intervensi dijalankan, kemampuan murid Darjah 5 pada aras kebolehan dalam menjawab soalan-soalan interaksi lisan telah diuji. Secara keseluruhan, ramai murid didapati dapat memahami video yang ditonton. Namun, melalui respons mereka, beberapa faktor yang perlu ditangani telah dikenal pasti. Faktor pertama ialah jawapan murid didapati kurang berstruktur. Berkaitan dengan hal ini, terdapat murid yang tidak memahami soalan yang ditanya guru, tidak mengetahui cara untuk memulakan jawapan, cara untuk memberikan penerangan dan pendapat serta mengemukakan bukti bagi menyokong pandangan mereka dan sebagainya.



Idea murid yang kurang teratur dari segi organisasi merupakan faktor kedua. Akibatnya, mereka keliru dan sering terlupa akan perkara yang ingin dikatakan. Mereka juga didapati mengulang jawapan yang sama.

Faktor yang ketiga, jawapan yang diberikan oleh murid mencerminkan ketidakupayaan murid untuk mencerna jawapan mereka sebelum mengujarkannya. Jawapan mereka bersifat sederhana dan menggambarkan kekurangan idea. Oleh yang demikian, adalah penting bagi murid dilengkapi dengan kemahiran khusus yang diperlukan untuk menjawab soalan semasa perbualan interaksi lisan dengan berkesan.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk:

1. mengkaji keberkesanan teknik 4PAi dalam mempertingkatkan pencapaian murid Darjah 5 pada aras kebolehan bagi komponen perbualan interaksi lisan; dan
2. menggalakkan pembelajaran secara sendiri dan kolaboratif melalui penggunaan aplikasi *Mentimeter*.

KAJIAN LEPAS

Menurut Comfort, Jeremy dan Utley (1995), persembahan yang berkesan adalah satu persembahan yang teratur yang mudah difahami para pendengar. Casamassima dan Insua (2015) menyatakan bahawa murid meraih manfaat daripada strategi pembelajaran mengenai cara untuk membina wacana lisan. Oleh itu, murid perlu dilengkapi dengan teknik yang sesuai untuk meningkatkan kemahiran interaksi lisan mereka.

Lucanus (2017) menyebut bahawa seorang murid yang dapat berkomunikasi dengan baik ialah seseorang yang telah menguasai seni penyediaan, penyusunan dan penyampaian dalam persembahan lisan secara berkesan dan berjaya. Oleh itu, adalah penting bagi murid untuk mempersiapkan diri dengan baik sebelum memberikan sebarang respons.



Kekurangan idea yang berstruktur dan teratur mengakibatkan penyampaian respons yang tidak memuaskan.

Menurut Parker (2008) dalam kajiannya, pengajaran yang menggunakan ICT meningkatkan minat dan perhatian murid, menggalakkan maklum balas, menawarkan pengalaman pembelajaran intelektual, membantu perkembangan literasi serta kemahiran pemikiran tahap tinggi dalam kalangan murid.

KAEDAH KAJIAN

Dalam kajian ini, teknik 4PAi telah direka bentuk dan diperkenalkan kepada murid untuk membimbing mereka semasa berada di bilik persediaan dan semasa waktu perbualan dalam suasana peperiksaan. Ia juga direka untuk membantu murid berfikir tentang soalan-soalan yang mungkin ditanya oleh pemeriksa. Teknik ini juga bertujuan untuk membantu murid memberikan jawapan yang lebih tersusun dan berstruktur. Selain itu, penggunaan aplikasi *Mentimeter* telah digunakan untuk menggalakkan murid mengembangkan idea dan berkongsi idea.

Kajian ini juga menerapkan elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP), (2018). Dengan penerapan elemen STP, guru dapat melaksanakan pengajaran dan menjalankan penilaian dan maklum balas berpandukan langkah-langkah yang telah diberikan. Dalam kertas kajian ini, elemen STP yang diserlahkan adalah bagi proses pelaksanaan pelajaran. Aspek pengajaran dan aktiviti mengajar bagi proses tersebut dapat dilihat dalam Jadual 1 di bawah ini.



Jadual 1 : Amalan Pengajaran Singapura

| Proses Pengajaran | Aspek Pengajaran | Aktiviti Mengajar |
|----------------------------|--|--|
| Pelaksanaan Pelajaran | AP15: Menggalakkan Pelibatan Pelajar | AM3: Pelibatan Menerusi Kerjasama dan Interaksi Penggunaan aplikasi <i>Mentimeter</i> memberi peluang kepada murid bekerjasama, berkolaborasi dan berkongsi idea secara sihat. Murid dapat meneliti idea rakan yang lain dan menambah nilai pada idea mereka. |
| | AP 20: Menggunakan Soalan untuk Memperdalam Pembelajaran | AM4: Menjana Soalan Aktiviti Perancah Rutin Berfikir 3-2-1 Bina Titian dan Penyoalan Sokratik menggalakkan murid-murid untuk berfikir dengan lebih mendalam dan mengutarakan soalan-soalan yang kritikal. |
| Penerangan dan Justifikasi | Aspek pengajaran yang diambil kira bagi kajian ini diselaraskan dengan tujuan kajian ini. Aspek pengajaran ini digunakan untuk melibatkan murid secara aktif dalam pembelajaran, tidak kira secara sendiri atau kolaboratif, melalui penggunaan aplikasi <i>Mentimeter</i> dan aktiviti perancah rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian serta Penyoalan Sokratik. Dengan itu, murid-murid dapat memahami dan menghayati teknik 4PAi. | |

Subjek Kajian

24 orang murid Bahasa Melayu Darjah 5 pada aras kebolehan dipilih untuk kajian ini. Kumpulan ini terdiri daripada murid lelaki dan perempuan. Murid yang dipilih telah terdedah kepada format peperiksaan lisan di peringkat Darjah 4 dan telah diperkenalkan kepada format peperiksaan interaksi lisan di peringkat Darjah 5.



Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah:

- *Mentimeter*
Aplikasi *Mentimeter* telah digunakan dalam kajian kerana ia membolehkan murid terlibat secara serentak.
- Praujian dan Pascaujian
Bagi kajian ini, kesemua 24 orang murid datang dari kelas yang sama. Reka bentuk praujian dan pascaujian yang dijalankan untuk kajian ini adalah bagi satu kumpulan. 24 orang murid itu menduduki praujian dan pascaujian. Data yang terkumpul hasil daripada praujian dan pascaujian dianalisis secara kuantitatif untuk menilai prestasi murid. Secara ringkas, reka bentuk kajian adalah seperti yang tertera dalam Jadual 2 di bawah ini:

Jadual 2: Reka Bentuk Kajian

| Reka bentuk praujian dan pascaujian kumpulan | | | |
|--|----------------|---------------|------------------|
| G1 | Praujian O1 | Tindakan X | Pascaujian O2 |

'G1' ialah kumpulan kajian. Simbol 'X' pula menandakan intervensi yang dijalankan bagi **kumpulan** itu.

- Rubrik Penilaian bagi komponen perbualan
Kebolehan murid menjawab soalan bagi komponen perbualan semasa praujian dan pascaujian dinilai berdasarkan rubrik penilaian komponen perbualan Interaksi lisan PSLE.

Praujian dan pascaujian dijalankan ke atas murid untuk mengukur pencapaian mereka. Semasa kedua-dua ujian, murid dipertontonkan video yang sama dan ditanya soalan rangsangan yang sama. Hal ini adalah bagi menolak variabel mengenai terdapatnya perubahan pada video atau soalan.



Bagi kedua-dua ujian, murid dinilai berdasarkan rubrik penilaian komponen perbualan interaksi lisan PSLE. Data hasil daripada praujian dan pascaujian dikumpulkan dan kemudiannya dianalisis secara kuantitatif dengan menggunakan ujian *paired-t test*. Keputusan dari ujian tersebut menunjukkan sama ada murid telah menunjukkan peningkatan yang ketara atau sebaliknya.

Prosedur Kajian

Proses intervensi dijalankan selama 5 minggu semasa penggal sekolah ketiga. Minggu praujian dan pascaujian tidak termasuk dalam 5 minggu tersebut. Sesi intervensi dijalankan tiga kali seminggu. Satu sesi mengambil masa 2 waktu ataupun sejam secara seluruhnya. Praujian dan pascaujian yang dijalankan adalah untuk menilai prestasi murid dalam perbualan interaksi lisan. Kedua-dua ujian itu tidak dijalankan oleh guru yang sama tetapi bukan guru Bahasa Melayu murid itu sendiri. Hal ini dirancang bagi menolak variabel mengenai kelainan guru atau perasaan tidak selesa apabila diuji oleh guru yang mengajar murid.

Sebelum proses intervensi dimulakan, guru mendapati bahawa murid mempunyai pengetahuan dan pengalaman sedia ada mengenai banyak isu. Walau bagaimanapun, mereka tidak menggunakan pengetahuan dan pengalaman ini dengan berkesan semasa menjawab soalan rangsangan dalam komponen perbualan bagi peperiksaan interaksi lisan. Guru berpendapat bahawa rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian sesuai untuk proses perancah bagi mengaktifkan pengetahuan sedia ada. Ritchhart, Church & Morrison (2011) menyifatkan rutin ini sebagai dapat menjalinhubungkan pemahaman murid, pengetahuan murid, soalan yang difikirkan murid dengan pemahaman idea-idea baharu yang sedang mereka jana atau temui.

Bagi mengaktifkan pengetahuan sedia ada, murid digalakkan untuk menghasilkan dan menjalin hubung idea. Dalam hal ini, murid perlu mengetahui kepentingan penyoalan yang baik, khususnya bagi soalan yang bersifat terbuka. Murid juga mesti bersedia untuk menjawab soalan yang melampaui tahap pengetahuan asas. Atas sebab-sebab tersebut, guru berpendapat bahawa Teknik Penyoalan Sokratik adalah sesuai sebagai proses perancah.



Menurut Paul dan Elder (2007), Teknik Penyoalan Sokratik dapat membantu menganalisis pemikiran seseorang – tujuan, andaian, soalan, pandangan, maklumat, kesimpulan, konsep, dan implikasi. Sahamid (2016) menerangkan bahawa kajian telah menunjukkan bahawa amalan berulang-ulang mengenai Penyoalan Sokratik mempunyai kesan positif terhadap respons murid.

Semasa sesi intervensi, murid diperkenalkan kepada teknik 4PAi. Teknik ini direka bentuk untuk melengkapi murid dengan kemahiran yang diperlukan untuk menjawab soalan bagi komponen perbualan dalam peperiksaan interaksi lisan. Sebagai langkah perancangan, guru memilih rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian dan Teknik Penyoalan Sokratik. Ritchhart (2002) menyatakan bahawa rutin berfikir dapat membantu mengarah dan membimbing tindakan mental seseorang. Paul dan Elder (2007) pula menerangkan bahawa Teknik Penyoalan Sokratik, patut diintegrasikan dalam pengajaran kerana ia mengajar murid tentang peri pentingnya sentiasa bertanya soalan semasa sesuatu pembelajaran.

Berikut merupakan penerangan terperinci mengenai saranan proses intervensi untuk dijalankan dalam kelas kumpulan kajian:

Minggu 1:

Guru memainkan klip video kepada murid. Mereka diingatkan untuk memberi perhatian mengenai sebarang tingkah laku, peristiwa atau aktiviti yang ditunjukkan dalam video. Mereka dibenarkan menonton klip video itu sebanyak dua kali. Kemudian, dalam kumpulan tiga atau empat orang, mereka diarahkan untuk berkongsi mengenai pemerhatian dan pemikiran mereka tentang video itu. Selepas perkongsian tersebut, guru meminta seorang wakil dari setiap kumpulan untuk berdiri. Sebelum bertanya apa-apa soalan, guru mengarahkan murid lain untuk mendengar soalan guru dengan teliti berserta kandungan respons oleh wakil-wakil itu.

Selepas aktiviti itu, guru bertanya kepada murid lain soalan-soalan berikut:



- a. Adakah wakil itu memahami keperluan soalan yang ditanya oleh guru?
- b. Adakah wakil itu dapat mengenal pasti jenis tingkah laku, peristiwa atau aktiviti dalam klip video yang telah ditontonnya? Sebagai contoh, apakah tingkah laku positif atau negatif yang dinyatakan?
- c. Adakah wakil tersebut dapat memberikan pendapat, alasan atau bukti untuk menyokong kenyataannya?
- d. Adakah wakil tadi mampu menceritakan pengalamannya atau menerangkan secara terperinci mengenai pengalamannya itu?
- e. Adakah penerangan dan penjelasan wakil tadi jelas dan koheren?
- f. Adakah wakil itu dapat mengaitkan nilai-nilai murni dengan pengalamannya; misalnya nilai bertanggungjawab, bertimbang rasa dan lain-lain?

Kemudian, guru memperkenalkan teknik 4PAi kepada murid. Guru menjelaskan teknik secara terperinci kepada murid. Guru juga menegaskan kepentingan struktur dan organisasi idea dalam komponen perbualan bagi peperiksaan interaksi lisan.

Minggu 2:

Guru menayangkan templat rutin berfikir 3-2-1 Bina Titian yang telah dimasukkan ke dalam *Mentimeter* kepada setiap murid. Soalan-soalan dalam templat itu telah disesuaikan dengan keperluan kajian. Selepas murid mendengar penerangan guru mengenai templat tersebut dan aktiviti yang akan dijalankan, mereka menonton klip video 1 sekali lagi. Kemudian, murid menaip idea atau pendapat mereka sebelum perbincangan secara berkumpulan. Selepas perbincangan, murid akan menaip idea atau pendapat mereka. Mereka boleh memasukkan idea-idea baharu. Guru menayangkan perkara-perkara yang ditaip murid (Rajah 1). Guru memberikan maklum balas tentang perkara-perkara yang telah dicatatkan oleh setiap kumpulan.



Rajah 1: Sebelum Dan Selepas Perbincangan - 3-2-1 Bina Titian (Idea/Murid – Individu)

Go to www.menti.com and use the code **88 11 27**

Sebelum perbincangan (A) perkara / perbuatan (B) 2 soalan
(C) 1 nilai

[1] pelajar membaca buku, dua orang bercakap-cakap dan makan snek di dalam perpustakaan (B) Mengapakah mereka makan di dalam perpustakaan? Mengapakah mereka tidak ikut peraturan perpustakaan?(C) bertanggungjawab

Haf (A) dua pelajar membuat bising, makan keropok dan buang sampah sembarangan (B) Adakah patut mereka makan di dalam perpustakaan? Bolehkah mereka buat bising di situ? (C) bertimbang rasa

Her (A) makan, buang sampah sembarangan Dan berbul dengan kuat (B) Mengapakah mereka makan dalam perpustakaan? Bagaimanakah perasaan mereka apabila ditegur pustakawan? (c) bertimbang rasa

Go to www.menti.com and use the code **97 69 14**

Selepas perbincangan (A)3 perkara/perbuatan (B) 2 soalan
(C) 1 nilai

Her(A) dua pelajar makan snek, buang sampah sembarangan dan berbul dengan kuat (B) Apalah akibatnya kalau perpustakaan koror? Bagaimanakah perasaan mereka apabila ditegur pustakawan?(c) sikap terbuka

Haf(A)dua pelajar membuat bising,makan keropok dan mengotorkan perpustakaan (B) Mengapakah mereka tidak boleh makan di perpustakaan? Mengapakah mereka tidak boleh buat bising di situ? (c) sifat terbuka

(1)(a)pelajar membaca buku, 2 pelajar lain bercakap-cakap & makan snek dalam perpustakaan(b) Apakah yang akan berlaku kalau mereka makan dalam perpustakaan?Apakah akibatnya kalau mereka tidak ikut peraturan di perpustakaan(c)bertanggungjawab

Minggu 3:

Guru mengajukan soalan berdasarkan klip video 1. Kemudian, guru memodelkan jawapan bagi soalan itu kepada murid dengan menggunakan teknik 4PAi. Guru mengajukan soalan rangsangan 1 dan 2 berdasarkan klip video 1 kepada setiap kumpulan. Murid membincangkan soalan-soalan itu. Selepas perbincangan, guru memanggil setiap kumpulan untuk membentangkan jawapan mereka. Semasa satu kumpulan melakukan penyampaian, murid yang lain pula menggunakan templat senarai semak 4PAi untuk menyemak jika pembentangan setiap kumpulan merangkumi kesemua 5 bahagian dalam



4PAi. Pada akhir pelajaran, guru akan mendapatkan maklum balas murid dan merakamkan maklum balas secara lisan.

Jadual 3: Templat Senarai Semak P4Ai

| | | |
|--|--|---|
| Nama: _____ Darjah 5 _____ | | |
| Senarai Semak 4PAi | | |
| 4PAi | Soalan | ✓ |
| Penceritaan | 1. Adakah murid dapat menceritakan - <ul style="list-style-type: none"> • perkara yang berlaku dalam video? • pengalamannya? | |
| Penerangan | 1. Adakah murid memberikan penerangan dengan terperinci dan mendalam? | |
| Pendapat | 1. Adakah murid memberikan pendapat? 1. Adakah murid memberikan sebab atau bukti untuk menyokong pendapat itu? | |
| Pengalaman | 1. Dapatkah murid mengaitkan pengalaman tentang diri sendiri atau orang lain dengan soalan yang ditanya? | |
| Aplikasi nilai | 1. Dapatkah murid mengaitkan nilai-nilai murni dengan sesuatu situasi atau soalan yang ditanya? | |

Minggu 4:

Guru memperkenalkan kad Penyoalan Sokratik (SQ) kepada murid. Guru memodelkan kepada murid cara menggunakan kad SQ. Guru mengajukan soalan rangsangan 3 berdasarkan klip video. Murid diberikan masa selama dua minit untuk memikirkan jawapan. Kemudian, kad SQ diletakkan di tengah meja (Jadual 4). Semua murid dalam kumpulan mesti memberi jawapan mereka mengenai soalan tersebut, bertanya rakan satu soalan SQ yang lain dan menjawab soalan SQ. Aktiviti ini bermula dengan murid 1 berkongsi pendapatnya terlebih dahulu. Murid 2 mengambil satu kad SQ dan membacakan soalan yang terdapat pada kad itu kepada murid



1. Kemudian, giliran murid 2 pula untuk memberi respons kepada soalan guru. Setelah itu, murid 3 pula mendapat giliran untuk mengambil kad SQ dan membacakan soalan yang dicetak pada kad itu kepada Murid 2. Proses ini diteruskan sehingga semua murid dalam kumpulan itu telah mendapat peluang untuk bertanya soalan kepada ahli kumpulan mereka dari kad SQ dan menjawab soalan yang terdapat dalam kad tersebut. Semasa aktiviti tersebut, guru memantau setiap kumpulan untuk memastikan aktiviti dijalankan dengan betul. Pada akhir pelajaran, guru mendapatkan maklum balas secara lisan daripada murid mengenai aktiviti itu.

Jadual 4: Kad Penyoalan Sokratik

| | |
|---|---|
| <p>KAD PENYOALAN SOKRATIK PENJELASAN</p> <p>Mengapakah kamu mengatakan sedemikian?</p> | <p>KAD PENYOALAN SOKRATIK ANDAIAN</p> <p>Bolehkah kamu menerangkan sebab (mengapa) / cara (bagaimana)?</p> |
| <p>KAD PENYOALAN SOKRATIKSEBAB</p> <p>Bolehkah kamu memberikan bukti?</p> | <p>KAD PENYOALAN SOKRATIKPANDANGAN</p> <p>Adakah kamu mempunyai pandangan alternatif?</p> |

Minggu 5:


Murid menonton klip video 2. Guru menunjukkan tiga soalan berdasarkan klip video 2. Kemudian, murid menjawab soalan-soalan dalam kumpulan masing-masing. Jawapan mereka mesti merangkumi semua 5 aspek yang terdapat dalam teknik 4PAi. Murid juga harus menyampaikan jawapan hasil perbincangan kumpulan. Murid 1 menjawab Soalan 1, murid 2 menjawab Soalan 2 dan murid 3 & 4 menjawab Soalan 3. Guru menjalankan pembentangan ini dengan cara yang sama seperti peperiksaan interaksi lisan. Selepas semua kumpulan membentangkan dapatan mereka, guru memberi maklum balas mengenai jawapan murid. Murid juga melakukan refleksi secara bergilir-gilir dalam kumpulan melalui aplikasi *Mentimeter*.



DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Keputusan praujian dan pascaujian kumpulan kajian (Rajah 2) dikumpulkan dan kemudian dianalisis secara kuantitatif dengan menggunakan ujian *paired-t test* seperti di dalam Rajah 2.

Rajah 2: keputusan Praujian Dan Pascaujian Interaksi Lisan



Selepas meneliti data daripada praujian dan pascaujian, hasil yang diperoleh mencerminkan bahawa markah min bagi pascaujian lebih tinggi daripada markah min sewaktu praujian. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5, untuk praujian, kumpulan kajian mencapai purata 24.25. Bagi pascaujian, kumpulan kajian mencapai purata 26.46. Hal ini menunjukkan bahawa min pascaujian lebih tinggi daripada min praujian. Ujian *paired-t test* pula telah menghasilkan nilai p kurang daripada 0.0001, lantas menunjukkan bahawa perbezaan itu adalah signifikan secara statistik dalam prestasi kumpulan kajian.

Jadual 5: Analisis Data

| Kumpulan Kajian | Praujian | Pascaujian |
|---------------------|----------|------------|
| Mean | 24.25 | 26.46 |
| Standard Deviation | 2.79 | 2.30 |
| Standard Error Mean | 0.57 | 0.47 |
| N | 24 | 24 |

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, hasil yang diperoleh menunjukkan bahawa intervensi yang dijalankan telah berjaya dan kajian ini telah mencapai objektifnya. Memandangkan prestasi murid menunjukkan peningkatan yang ketara, disarankan agar teknik 4PAi diguna pakai oleh kumpulan lain atau murid berkeupayaan lain.

Berdasarkan data yang dianalisis secara kuantitatif, teknik 4PAi telah terbukti berkesan dalam meningkatkan kemahiran lisan kumpulan kajian. Murid dapat berfikir secara lebih mendalam dan menyusun idea-idea mereka dengan lebih baik sebelum bertutur. Yang paling penting, mereka lebih yakin untuk memberi respons dengan cara lebih berstruktur. Penggunaan aplikasi *Mentimeter* pula membolehkan murid untuk membuat perkongsian dan refleksi secara langsung. Dengan cara itu, guru dapat memantau pemahaman murid dan memberikan maklum balas dengan segera supaya murid dapat memperbaiki idea-idea mereka. Keberkesanan kajian ini turut disokong dengan penerapan elemen STP. Langkah-langkah aktiviti mengajar membimbing guru agar pelaksanaan pelajaran lebih terarah. Ternyata, segala usaha ini menyumbang ke arah melengkapkan murid dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan, sejajar dengan kemahiran abad ke-21.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Junainah Mohamed Yusoff
2. Siti Fadiyah Ramdan
3. Fauziah Osman

RUJUKAN

Casamassima, M., & Insua, F. (2015). On How Thinking Shapes Speaking: Techniques to Enhance Students' Oral Discourse. Retrieved from https://americanenglish.state.gov/files/ae/resource_files/53-2_5_casamassima_insua.pdf

Comfort, J., Utley, D., & York Associates. (1995). *Effective presentations*. (Effective presentations.) Oxford: Oxford University Press.



- Lucanus, A. (2017). Oral Communication Skills Are Important for Students | The College Puzzle. (n.d.). Retrieved from <https://collegepuzzle.stanford.edu/oral-communication-skills-are-important-for-students/>
- Parker, L.L. (2008). *Technology-mediated learning environments for young English language learners: connections in and out of schools*. New York: Lawrence Erlbaum Associates.
- Paul, R. & Elder, L. (2007). *The thinker's guide to the art of socratic questioning*. Dillon Beach, CA: Foundation for Critical Thinking.
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018), *Amalan Pengajaran Singapura*, Singapura: Oxford Graphic Printers Pte. Ltd.
- Ritchhart, R. (2002). *Intellectual character: What it is, why it matters, and how to get it*. San Francisco, CA: Jossey-Bass Pfeiffer.
- Ritchhart, R., Church, M., & Morrison, K. (2011). *Making thinking visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Sahamid, H. (2016). Developing critical thinking through Socratic Questioning: An Action Research Study. (2016). *International Journal of Education and Literacy Studies*, 4(3). doi:10.7575/aiac.ijels.v.4n.3p.62

